

08/03/2000

MCA kaji kesan program asing di Astro

KUALA LUMPUR, Selasa - MCA akan mengumpul maklum balas dari masyarakat Cina berhubung kesan kemasukan program asing yang disiarkan menerusi stesen satelit Astro.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, MCA akan meneliti setiap pandangan itu sebelum membuat sebarang cadangan dalam mesyuarat Kabinet akan datang.

"Sebelum membuat sebarang keputusan, kita kena tunggu dulu maklum balas mereka (orang Cina)," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat 14 pemimpin kanan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), yang diketuai Presidennya Datuk Amar Dr George Chan, di Kementerian Pengangkutan hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan masih mendengar pendapat orang ramai sebelum memutuskan sebarang tindakan berhubung penyiaran program asing di stesen berkenaan.

Beberapa tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan sebelum ini mendesak kerajaan mengawal kemasukan program asing yang disiarkan Astro kerana bimbang kesannya terhadap perpaduan kaum.

Stesen yang mempunyai 29 saluran televisyen dan kira-kira 310,000 pelanggan, menawarkan tiga pakej iaitu pakej dunia, pakej filem dan pakej Dinasti.

Pakej Dinasti khusus menyiarkan program berbahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi di samping saluran berita stesen tempatan dan hiburan yang turut disiarkan menerusi pakej lain.

Siaran berita TVBS misalnya dipancarkan dari Hong Kong dan kebanyakan beritanya mengenai perkembangan di China berikutan bekas tanah jajahan itu kini sebahagian daripada tanah besar.

(END)